

20/10/2001

KLCI

NIAGA hadapan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) yang diniagakan di Bursa Derivatif Malaysia ditutup rendah sejajar dengan urus niaga yang lemah di pasaran ekuiti.

Pelabur merasa kecewa kerana cukai korporat tidak diturunkan dalam Belanjawan 2002 kerana mereka berpendapat yang pengurangan cukai akan memberi kesan positif kepada pendapatan syarikat.

Belanjawan 2002 dibentangkan di Dewan Rakyat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan.

Kontrak Oktober 2001 susut 7.1 mata kepada 609.1.

Kontrak bulan Nov 2001, Disember 2001 dan Mac 2002, masing-masing susut 8.0 mata kepada 609.2, 615.5 dan 620.7.

Jumlah dagangan meningkat kepada 1,024 kontrak berbanding 557 kontrak sebelumnya. Kedudukan pembukaan juga meningkat kepada 2,552 kontrak daripada 2,533 kontrak.

Indeks di pasaran tunai ditutup rendah 5.75 mata kepada 615.02.

Kontrak opsyen melaporkan tiada dagangan semalam.

(END)